

PEMAKAIAN PANGKAT ANGGOTA NO 22 SKUADRON



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4100-pemakaian-pangkat-anggota-no-22-skuadron

SUBANG, 8 Nov 18 - No 22 Skuadron, Pangkalan Udara Subang telah mengadakan majlis pemakaian pangkat bagi anggota lain-lain pangkat yang disempurnakan oleh Pemangku Pegawai Memerintah No 22 Skn, Mej Yusrizal bin Zain TUDM dan Ketua Bahagian Kejuruteraan No 22 Skn, Lt Kol Md Hanafiah bin Yaacob TUDM. Seramai 4 anggota lain-lain pangkat dari pelbagai ketukangan yang berkhidmat di bawah naungan No 22 Skuadron telah dinaikkan pangkat.



Dalam ucapan Pemangku Pegawai Memerintah telah mengucapkan tahniah di atas kenaikan pangkat dan berharap agar kenaikan pangkat ini dapat memberikan motivasi kepada semua anggota agar lebih bersemangat dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberi. Tahniah diucapkan.

